



Anwar mempengerusikan Mesyuarat Khas Pembangunan Negeri Pulau Pinang yang turut dihadiri Kon Yeow di pejabat Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang, semalam. (Foto Mikaili Ong/BH)

PM pengerusikan mesyuarat pembangunan Pulau Pinang

Georgetown: Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim yang dalam lawatan singkat ke Pulau Pinang semalam mempengerusikan Mesyuarat Khas Pembangunan Negeri Pulau Pinang di pejabat Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC), dekat sini.

Beliau yang tiba pada jam 3.35 petang disambut oleh Ketua Menteri, Chow Kon Yeow dan Ketua Pegawai Eksekutif PDC, Datuk

Aziz Bakar.

Mesyuarat sejam itu, menyentuh mengenai pelbagai pembangunan dan projek strategik di Pulau Mutiara bagi memenuhi keperluan rakyat di negeri itu.

Itu termasuk projek Kereta Kabel Bukit Bendera, Projek Transit Aliran Ringan (LRT) Laluan Mutiara, Rumah Mampu Milik (RMM) Bakat Baru MADANI, pembesaran Lapangan Terbang

Antarabangsa Pulau Pinang (LTAPP) dan Projek Batu Kawan Industrial Park 3 di Pulau Pinang.

Sejurus selepas mesyuarat berkenaan, Perdana Menteri merasmikan bangunan baharu Masjid Jamek Perai di Daerah Seberang Perai Tengah, sebelum sesi jelajah mesra bazar Ramadan di Bandar Tasek Mutiara, Simpang Ampat. BERNAMA